

## Latihan Industri Zon Pulau Pinang September 2015

Pada tahun ini seramai 31 orang pelajar dari program-program pengajian Biologi Pemuliharaan, Kimia Industri, Sains Sekitaran, Fizik Elektronik, Matematik dengan Ekonomi, Sains Marin, Akuakultur dan Matematik dengan Komputer Grafik telah menjalankan Latihan Industri selama 3 bulan di Pulau Pinang. Setiap orang pelajar ini telah dilawat dan dinilai sepanjang tempoh 14 – 18 September 2015. Secara keseluruhannya, prestasi pelajar-pelajar adalah memuaskan. Majoriti syarikat swasta telah menawarkan peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar ini dengan gaji permulaan dalam julat RM1700 – RM2500. Ini secara tidak langsung memperlihatkan kebolehpasaran graduan UMS.



Artikel oleh: Dr Harry Chong Lye Hin